# KEMPEN BRAND'S® INNERSHINE
# BELI & GLOW

## TERMA DAN SYARAT

Perubahan ini [Versi 1.1] kepada Terma dan Syarat Versi 1 – Tempoh Kempen berkenaan dengan Promosi akan berkuat kuasa serta-merta dan menggantikan setakat mana-mana ketidakkonsistenan dengan Terma dan Syarat.

## A: Jadual Syarat Penyertaan

| | |
|---|---|
| **Penganjur** | Suntory Beverage & Food Malaysia Sdn Bhd<br>201301042171 (1071996-A)<br>Lot 9.02 Level 9, First Avenue Bandar Utama<br>47800 Petaling Jaya, Selangor |
| **Kempen** | Kempen Brand's® InnerShine Beli & Glow |
| **Tempoh Kempen** | Kempen ini berlangsung dari **jam 12:00 tengah malam (00:00:00) pada 1 Februari 2026** sehingga **11:59 malam (23:59:59) pada 07 April 2026** ("Tempoh Kempen").<br><br>Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan terbatal secara automatik. Pihak Penganjur berhak membuat sebarang pindaan ke atas Tempoh Kempen pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan. |
| **Syarat Kelayakan** | 1. Terbuka kepada penduduk tetap dan warganegara Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan identiti pengenalan sah (MyKad atau MyPR) pada permulaan Tempoh Kempen **[**setiap seorang **"Peserta"** dan secara kolektif **"Peserta"]**. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta.<br><br>2. Individu berikut adalah tidak layak menyertai Kempen ini:<br>• Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau<br>• Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau<br>• Individu-individu yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] |

| | |
|---|---|
| **Tarikh Akhir Penyertaan** | Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam (23:59:59) pada 07 April 2026.<br><br>Sebarang penyertaan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diterima dan akan dibatalkan secara automatik. |
| **Langkah-langkah Penyertaan** | Untuk layak menyertai Kempen Brand's® InnerShine Beli & Glow , pembelian minimum **satu (1) Brand's® InnerShine** ("Produk Penyertaan") dalam satu resit diperlukan.<br><br>• **Produk Penyertaan**<br>  • Brand's® InnerShine Berry Essence ( 42ml x 6s)<br>  • Brand's® InnerShine Berry Essence ( 42ml x 12s)<br>  • Brand's® InnerShine Prune Essence (42ml x 6s)<br>  • Brand's® InnerShine Prune Essence (42ml x 12s)<br>  • Brand's® InnerShine Mato Bright ( 42ml x 6s)<br>  • Brand's® InnerShine Mato Bright ( 42ml x 12s)<br>  • Brand's® InnerShine Day & Night Berry + Prune (42ml x 6s + 42ml x 6s)<br><br>**Bukti Pembelian**<br>• Peserta perlu membeli mana-mana produk Brand's® InnerShine di dalam satu (1) resit yang dikeluarkan oleh mana-mana premis/rangkaian yang mengambil bahagian, sama ada secara diluar talian (di kedai ) atau dalam talian semasa Tempoh Kempen sebagai Bukti Pembelian.<br><br>**Syarat Penyertaan**<br>• Penyertaan boleh dihantar samada dengan mengimbas kod QR yang disediakan ataupun dihantar melalui pautan ; http://innershine-raya2026.mypromotions.my<br><br>• Peserta perlu mengisi borang penyertaan dengan sepenuhnya dan tepat, serta memuat naik **gambar resit pembelian** yang jelas dan lengkap serta mengisi semua maklumat yang diperlukan . Butiran maklumat mestilah disertakan dalam setiap penyertaan:<br>a) Nama Penuh<br>b) Tarikh Lahir<br>c) Nombor Kad Pengenalan (MyKad/MyPR) * *hanya 6-digit terakhir*<br>d) Alamat E-mel<br>e) Nombor telefon bimbit (WhatsApp Aktif )<br>f) Jawapan kepada satu soalan yang mudah<br><br>• Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, dengan syarat setiap penyertaan disertakan dengan resit asal pembelian yang berbeza.<br><br>• Setiap resit pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja.<br><br>• Semua penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada 31 Mac 2026 jam 23:59:59 ("Tarikh tutup").<br><br>• Pihak Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tutup. |

| | |
|---|---|
| | **Keperluan Resit Pembelian**<br><br>• Resit pembelian mestilah dicetak dan dimuat naik dengan imej yang jelas dan lengkap, serta mengandungi maklumat berikut:<br>o Nama produk Brand's® InnerShine yang dibeli dan kuantitinya<br>o Harga produk<br>o Tarikh pembelian<br>o Nama/ cop rasmi premis/kedai bercetak<br>o Nombor Resit / Invois<br><br>• Peserta wajib menyimpan resit asal sebagai Bukti Pembelian, bagi sebarang keperluan pengesahan.<br><br>• Hanya pembelian dalam Tempoh Kempen akan diterima. |
| **Hadiah Peraduan Kempen** | **Hadiah Peraduan :**<br>Setiap peserta yang membuat pembelian dalam satu resit yang memenuhi Syarat Penyertaan yang ditetapkan layak untuk menerima hadiah berikut:<br><br>**Tempoh Kempen Hadiah Dwi-Mingguan**<br><br>• **Dwi-Mingguan 1 Hadiah Utama :** Ahad , 01 Februari 2026 00:00:00 hingga Ahad, 15 Februari 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Utama**<br>SWAROVSKI – Set Constella bernilai RM2,800 x 2 pemenang<br><br>• **Dwi-Mingguan 2 Hadiah Utama :** Isnin, 16 Februari 2026 00:00:00 hingga Isnin , 02 Mac 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Utama**<br>SWAROVSKI – Set Constella bernilai RM2,800 x 2 pemenang<br><br>• **Dwi-Mingguan 3 Hadiah Utama :** Selasa, 03 Mac 2026 00:00:00 hingga Ahad, 15 Mac 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Utama**<br>SWAROVSKI – Set Constella bernilai RM2,800 x 2 pemenang<br><br>• **Dwi-Mingguan 4 Hadiah Utama :** Isnin , 16 Mac 2026 00:00:00 hingga Selasa, 07 April 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Utama**<br>SWAROVSKI – Set Constella bernilai RM2,800 x 2 pemenang<br><br>Untuk penyertaan Hadiah Dwi-Mingguan, Penganjur akan menerima penyertaan pada atau sebelum jam 23:59:59 pada tarikh akhir setiap Tempoh Kempen Dwi-Mingguan seperti yang ditabulasikan di atas.<br><br>**Tempoh Kempen Hadiah Mingguan**<br><br>❑ **Minggu 1:** Ahad, 01 Februari 2026 00:00:00 hingga Ahad, 08 Februari 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Mingguan:**<br>PIN Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang |

| | |
|---|---|
| | ❑ **Minggu 2:** Isnin, 09 Februari 2026 00:00:00 hingga Ahad, 15 Februari 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 3:** Isnin, 16 Februari 2026 00:00:00 hingga Ahad, 22 Februari 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 4:** Isnin, 23 Februari 2026 00:00:00 hingga Ahad, 01 Mac 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 5:** Isnin, 02 Mac 2026 00:00:00 hingga Ahad, 08 Mac 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 6:** Isnin, 9 Mac 2026 00:00:00 hingga Ahad, 15 Mac 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 7:** Isnin, 16 Mac 2026 00:00:00 hingga Ahad, 22 Mac 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>❑ **Minggu 8:** Isnin, 23 Mac 2026 00:00:00 hingga Selasa, 07 April 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Mingguan:</u>**<br>PIN Kredit Touch ‘n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu x 150 pemenang<br><br>Untuk penyertaan **Hadiah Mingguan**, Penganjur akan menerima penyertaan pada atau sebelum jam 23:59:59 pada tarikh akhir setiap Tempoh Kempen Mingguan seperti yang ditabulasikan di atas.<br><br>**Penafian Hadiah**<br>• Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dimenangi dengan hadiah lain yang bernilai sama tanpa sebarang makluman terlebih dahulu. |

| | |
|---|---|
| | • Segala imej hadiah yang dipaparkan dalam iklan, bahan promosi, atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar.<br>• Risiko penebusan hadiah adalah di bawah tanggungjawab Pemenang. Segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab penuh pemenang.<br><br>**Terma Tambahan Hadiah**<br>1. Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum tiga (03) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen;<br><br>❑ Satu (1) x Hadiah Utama Dwi-Mingguan dan dua (2) x Hadiah Mingguan sahaja. |
| **Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang** | **Proses Pemilihan Pemenang:**<br>1. Semua penyertaan mestilah lengkap dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam bahagian *Syarat Penyertaan* dan *Langkah-langkah Penyertaan* di atas.<br><br>2. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat akan terbatal secara automatik.<br><br>3. Pemenang yang layak akan ditentukan berdasarkan unit pembelian minimum yang diperlukan, tertakluk kepada **satu (1) resit pembelian** bagi setiap penyertaan, selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan.<br><br>4. Setiap penyertaan yang sah yang mengandungi imej resit pembelian yang lengkap dan jelas , memenuhi syarat penyertaan yang ditetapkan, menyediakan maklumat peribadi peserta yang diperlukan, dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen akan diperuntukkan nombor bersiri (setiap satu dirujuk sebagai “Penyertaan Layak”). Setiap Penyertaan Layak hanya akan menerima satu (1) nombor bersiri sahaja.<br><br>5. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad, terikat dan tidak berhak dipertikaikan. Sebarang bantahan dan/atau aduan melalui apa jua medium tidak akan dilayan.<br><br>6. Hadiah Utama Dwi-Mingguan; **SWAROVSKI – Set Constella** bernilai RM2,800 akan dianugerahkan setiap dua (2) minggu kepada Peserta yang mencatatkan jumlah pembelian terkumpul tertinggi (**Pembelian Terkumpul Tertinggi**) sepanjang setiap Tempoh Kempen Dwi-Mingguan seperti yang dinyatakan di atas.<br><br>7. Setiap Peserta hanya layak memenangi Hadiah Utama Dwi-Mingguan sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen. |

| | |
|---|---|
| | **Kaedah Pemilihan dan Penyenaraian Pendek Pemenang:**<br><br>A. **Hadiah Utama Dwi-Mingguan : 2 x SWAROVSKI – Set Constella** bernilai RM2,800 setiap satu<br><br>Terdapat dua (2) **SWAROVSKI – Set Constella** bernilai RM2,800 setiap satu yang boleh dimenangi dalam setiap tempoh Dwi-Mingguan bagi empat (4) tempoh Dwi-Mingguan berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat lapan (8) Hadiah Utama Dwi-Mingguan yang boleh dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Seramai dua (2) Pemenang Pembelian Tertinggi akan dipilih pada setiap akhir Tempoh Kempen Dwi-Mingguan. Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah pembelian tertinggi bagi satu transaksi atau jumlah pembelian terkumpul tertinggi oleh peserta yang sama (berdasarkan Nama dan Nombor MyKad) bagi setiap Tempoh Kempen Dwi-Mingguan. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.<br><br>***Sekiranya terdapat jumlah pembelian yang sama, pengguna yang membuat pembelian lebih awal (berdasarkan tarikh dan masa pada resit) akan dipilih sebagai pemenang.**<br><br>Seramai **2 pemenang** akan dipilih bagi setiap tempoh Kempen Dwi-Mingguan.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.<br><br>B. **Hadiah Mingguan : 150 x PIN Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu.**<br><br>Terdapat seratus lima puluh (150) PIN Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM5 setiap satu yang boleh dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat seribu dua ratus (1200) **Hadiah Mingguan** yang boleh dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang pendek Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan Layak yang diluluskan oleh Penganjur bagi setiap Tempoh Kempen Mingguan [setiap satu dirujuk sebagai "Penyertaan Layak Mingguan" dan secara kolektif sebagai "Penyertaan Layak Mingguan"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak Mingguan bermula daripada nombor siri "1". |

| | |
|---|---|
| | Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Mingguan akan ditabulasikan dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Mingguan ["Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"]. Mengandaikan jumlah Penyertaan Layak Mingguan yang diterima sepanjang Tempoh Kempen Mingguan tersebut adalah 989, Penganjur akan mengira dan menentukan pemenang pendek berdasarkan contoh berikut:<br><br>989 - 150 = **6.5***<br><br>Pemenang yang disenarai pendek untuk Hadiah Mingguan ialah penyertaan dengan nombor siri 6, dan pemenang pendek seterusnya adalah Penyertaan Layak dengan nombor bersiri daripada hasil penggandaan 6*. Contoh nombor bersiri pemenang yang disenarai pendek ialah 6*, 12*,18*,24*, 30*, 36*, 42* dan seterusnya.<br><br>Seramai **150 pemenang** akan dipilih bagi **SETIAP** Tempoh Kempen Hadiah Mingguan.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. |
| **Kempen Eksklusif Watsons dan Langkah-langkah Penyertaan** | Kempen Eksklusif Watsons akan berlangsung dari **jam 12:00 tengah malam (00:00:00) pada 1 Februari 2026** sehingga **11:59 malam (23:59:59) pada 30 April 2026** ("Tempoh Kempen").<br><br>Untuk layak menyertai Kempen Brand's® InnerShine Beli & Glow Kempen Eksklusif Watsons, pembelian minimum **satu (1) Brand's® InnerShine (42ml x 12s) ("Produk Penyertaan")** dalam satu resit diperlukan.<br><br>• **Produk Penyertaan**<br>  • Brand's® InnerShine Berry Essence ( 42ml x 12s)<br>  • Brand's® InnerShine Prune Essence (42ml x 12s)<br>  • Brand's® InnerShine Mato Bright ( 42ml x 12s)<br>  • Mana-mana **2 pek 42ml × 6s** ; InnerShine Berry / Prune / Mato Bright.<br><br>• **Bukti Pembelian**<br>Peserta perlu membeli mana-mana produk Brand's® InnerShine di dalam satu (1) resit yang dikeluarkan oleh Watsons, sama ada secara diluar talian (di kedai ) atau dalam talian semasa Tempoh Kempen sebagai Bukti Pembelian.<br><br>**Syarat Penyertaan**<br>• Penyertaan boleh dihantar samada dengan mengimbas kod QR yang disediakan ataupun dihantar melalui pautan ; [http://innershine-raya2026.mypromotions.my](http://innershine-raya2026.mypromotions.my) |

| | |
|---|---|
| | • Peserta perlu mengisi borang penyertaan dengan lengkap dan tepat, serta memuat naik **gambar resit pembelian** yang jelas dan penuh serta mengisi semua maklumat yang diperlukan . Butiran maklumat mestilah disertakan dalam setiap penyertaan:<br>a) Nama Penuh<br>b) Tarikh Lahir<br>c) Nombor Kad Pengenalan (MyKad/MyPR) * *hanya 6-digit terakhir*<br>d) Alamat E-mel<br>e) Nombor telefon bimbit (WhatsApp Aktif )<br>f) Jawapan kepada satu soalan yang mudah<br><br>• Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, dengan syarat setiap penyertaan disertakan dengan resit asal pembelian yang berbeza.<br><br>• Setiap resit pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja.<br><br>• Semua penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada 30 April 2026 jam 23:59:59 ("Tarikh tutup").<br><br>• Pihak Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tutup.<br><br>**Keperluan Resit Pembelian**<br><br>• Resit pembelian mestilah dicetak dan dimuat naik dengan imej yang jelas dan lengkap, serta mengandungi maklumat berikut:<br>o Nama produk Brand's® InnerShine yang dibeli dan kuantitinya<br>o Harga produk<br>o Tarikh pembelian<br>o Nama/ cop rasmi premis/kedai bercetak<br>o Nombor Resit / Invois<br><br>• Peserta wajib menyimpan resit asal sebagai Bukti Pembelian, bagi sebarang keperluan pengesahan.<br><br>• Hanya pembelian yang dibuat di Watsons sepanjang Tempoh Kempen akan diterima. |

| | |
|---|---|
| **Hadiah Peraduan Kempen Eksklusif Watsons** | **Hadiah Peraduan Kempen Eksklusif Watsons:**<br>Setiap peserta yang membuat pembelian dalam satu resit yang memenuhi Syarat Penyertaan yang ditetapkan layak untuk menerima hadiah berikut:<br><br>**Hadiah Utama Watsons :** Ahad , 01 Februari 2026 00:00:00 hingga Khamis , 30 April 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Utama**<br>Dyson Supersonic r™ Hairdyer bernilai RM2,599 x 2 pemenang<br><br>**Hadiah Istimewa Watsons :** Ahad , 01 Februari 2026 00:00:00 hingga Khamis , 30 April 2026 23:59:59<br><br>**Hadiah Istimewa**<br>e-Gift Kad Sephora bernilai RM100 x 8 pemenang<br>(Penggunaan e-Gift Kad Sephora tertakluk kepada Terma & Syarat Sephora: https://www.sephora.my/gift-cards/terms)<br><br>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam (23:59:59) pada 30 April 2026. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diterima dan akan dibatalkan secara automatik.<br><br>**Penafian Hadiah**<br>• Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dimenangi dengan hadiah lain yang bernilai sama tanpa sebarang sebarang makluman terlebih dahulu.<br>• Segala imej hadiah yang dipaparkan dalam iklan, bahan promosi, atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar.<br>• Risiko penebusan hadiah adalah di bawah tangung jawab Pemenang. Segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab penuh pemenang.<br><br>**Terma Tambahan Hadiah**<br>1. Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum satu (01) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen;<br>❑ Satu (1) x Hadiah Utama Watsons , ***atau***<br>❑ Satu (1) x Hadiah Istimewa Watsons<br><br>2. Peserta yang telah memenangi Hadiah Utama Dwi-Mingguan – Set SWAROVSKI Constella atau Hadiah Istimewa Watsons - e-Gift Kad Sephora atau Hadiah Utama Guardian - Set Kecantikan Berjenama bernilai RM530 akan secara automatik dikecualikan daripada kelayakan memenangi Hadiah Utama Eksklusif Watsons - Dyson Supersonic r™ Hairdyer. |

| | |
|---|---|
| **Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang untuk Hadiah Kempen Eksklusif Watsons** | **Proses Pemilihan Pemenang:**<br>1. Semua penyertaan mestilah lengkap dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam bahagian *Syarat Penyertaan* dan *Langkah-langkah Penyertaan* di atas.<br>2. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat akan terbatal secara automatik.<br>3. Pemenang yang layak akan ditentukan berdasarkan unit pembelian minimum yang diperlukan, tertakluk kepada **satu (1) resit pembelian** bagi setiap penyertaan, selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan.<br>4. Setiap penyertaan yang sah yang mengandungi imej resit pembelian yang lengkap dan jelas , memenuhi syarat penyertaan yang ditetapkan, menyediakan maklumat peribadi peserta yang diperlukan, dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen akan diperuntukkan nombor bersiri (setiap satu dirujuk sebagai "**Penyertaan Layak Watsons**"). Setiap Penyertaan Layak Watsons hanya akan menerima satu (1) nombor bersiri sahaja.<br>5. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad, terikat dan tidak berhak dipertikaikan. Sebarang bantahan dan/atau aduan melalui apa jua medium tidak akan dilayan.<br>6. Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Eksklusif Watsons sahaja sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>**Kaedah Pemilihan dan Penyenaraian Pendek Pemenang:**<br>**A. Hadiah Utama : 2 x Dyson Supersonic r™ Hairdyer bernilai RM2,599 setiap satu**<br>Terdapat dua (2) Dyson Supersonic r™ Hairdyer bernilai RM2,599 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.<br>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen [masing-masing dirujuk sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Watsons" dan secara kolektif sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Watsons"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak Eksklusif Watsons bermula daripada nombor siri "1".<br>Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Eksklusif Watsons akan disenaraikan dan dijumlahkan bagi menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Watsons ["Jumlah Keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Watsons"]. Dengan andaian jumlah Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang diterima sepanjang Tempoh Kempen adalah sebanyak 1,388, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:<br>1388 ÷ 2 = **694*** |

| | |
|---|---|
| | Penyertaan dengan nombor siri 694 akan disenaraikan sebagai pemenang Hadiah Utama. Pemenang seterusnya yang disenarai pendek akan dipilih daripada Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang mempunyai nombor siri hasil penggandaan 694*.<br><br>Contoh nombor bersiri pemenang yang disenarai pendek ialah 694* dan 1388*.<br><br>Seramai **<u>2 pemenang</u>** akan dipilih bagi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.<br><br>**B. Hadiah Istimewa : 8 x e-Gift Kad Sephora bernilai RM100 setiap satu**<br><br>Terdapat lapan (8) e-Gift Kad Sephora bernilai RM100 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen [masing-masing dirujuk sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Watsons" dan secara kolektif sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Watsons"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak Eksklusif Watsons bermula daripada nombor siri "1".<br><br>Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Eksklusif Watsons akan disenaraikan dan dijumlahkan bagi menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Watsons ["Jumlah Keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Watsons"] selepas penolakan Penyertaan pemenang Hadiah Utama . Dengan andaian jumlah Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang diterima sepanjang Tempoh Kempen adalah sebanyak 1,388, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:<br><br>Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Utama = 18* penyertaan<br>1388 – 18 = 1370 ÷ 8 = **<u>171.2*</u>**<br><br>Penyertaan dengan nombor siri 171 akan disenaraikan sebagai pemenang Hadiah Istimewa. Pemenang seterusnya yang disenarai pendek akan dipilih daripada Penyertaan Layak Eksklusif Watsons yang mempunyai nombor siri hasil penggandaan 171*.<br><br>Contoh nombor bersiri pemenang yang disenarai pendek ialah 171*, 342*, 513*, 684*, 855*, 1026*, 1197* dan 1368<br><br>Seramai **<u>8 pemenang</u>** akan dipilih bagi sepanjang Tempoh Kempen |

| | |
|---|---|
| | Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. |
| **Kempen Eksklusif Guardian dan Langkah-langkah Penyertaan** | Kempen Eksklusif Guardian akan berlangsung dari **jam 12:00 tengah malam (00:00:00) pada 1 Februari 2026** sehingga **11:59 malam (23:59:59) pada 30 April 2026** (“Tempoh Kempen”).<br><br>Untuk layak menyertai Kempen Brand’s® InnerShine Beli & Glow Kempen Eksklusif Guardian, pembelian minimum **satu (1) Brand’s® InnerShine (42ml x 12s) (“Produk Penyertaan”)** dalam satu resit diperlukan.<br><br>• **Produk Penyertaan**<br>  • Brand’s® InnerShine Berry Essence ( 42ml x 12s)<br>  • Brand’s® InnerShine Prune Essence (42ml x 12s)<br>  • Brand’s® InnerShine Mato Bright ( 42ml x 12s)<br>  • Mana-mana **2 pek 42ml × 6s** ; InnerShine Berry / Prune / Mato Bright.<br><br>• **Bukti Pembelian**<br>Peserta perlu membeli mana-mana produk Brand’s® InnerShine di dalam satu (1) resit yang dikeluarkan oleh Guardian, sama ada secara diluar talian (di kedai ) atau dalam talian semasa Tempoh Kempen sebagai Bukti Pembelian.<br><br>**Syarat Penyertaan**<br>• Penyertaan boleh dihantar samada dengan mengimbas kod QR yang disediakan ataupun dihantar melalui pautan ; http://innershine-raya2026.mypromotions.my<br><br>• Peserta perlu mengisi borang penyertaan dengan lengkap dan tepat, serta memuat naik **gambar resit pembelian** yang jelas dan penuh serta mengisi semua maklumat yang diperlukan . Butiran maklumat mestilah disertakan dalam setiap penyertaan:<br>a) Nama Penuh<br>b) Tarikh Lahir<br>c) Nombor Kad Pengenalan (MyKad/MyPR) * *hanya 6-digit terakhir*<br>d) Alamat E-mel<br>e) Nombor telefon bimbit (WhatsApp Aktif )<br>f) Jawapan kepada satu soalan yang mudah<br><br>• Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan, dengan syarat setiap penyertaan disertakan dengan resit asal pembelian yang berbeza.<br><br>• Setiap resit pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja.<br><br>• Semua penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada 30 April 2026 jam 23:59:59 ("Tarikh tutup").<br><br>• Pihak Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tutup. |

| | |
|---|---|
| | **Keperluan Resit Pembelian**<br><br>• Resit pembelian mestilah dicetak dan dimuat naik dengan imej yang jelas dan lengkap, serta mengandungi maklumat berikut:<br>  o Nama produk Brand's® InnerShine yang dibeli dan kuantitinya<br>  o Harga produk<br>  o Tarikh pembelian<br>  o Nama/ cop rasmi premis/kedai bercetak<br>  o Nombor Resit / Invois<br><br>• Peserta wajib menyimpan resit asal sebagai Bukti Pembelian, bagi sebarang keperluan pengesahan.<br><br>• Hanya pembelian yang dibuat di Guardian sepanjang Tempoh Kempen akan diterima. |
| **Hadiah Peraduan Kempen Eksklusif Guardian** | **Hadiah Peraduan Kempen Eksklusif Guardian:**<br>Setiap peserta yang membuat pembelian dalam satu resit yang memenuhi Syarat Penyertaan yang ditetapkan layak untuk menerima hadiah berikut:<br><br>**Hadiah Utama Guardian :** Ahad , 01 Februari 2026 00:00:00 hingga Khamis , 30 April 2026 23:59:59<br><br>**<u>Hadiah Utama</u>**<br>Set Kecantikan Berjenama bernilai RM530 x 10 pemenang<br>*(CHANEL Pouch Gift Set - CHANCE EAU TENDRE Hair Mist 35ml, ROUGE COCO BAUME 914 Natural Charm and Pouch)<br><br>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam (23:59:59) pada 30 April 2026. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diterima dan akan dibatalkan secara automatik.<br><br>**Penafian Hadiah**<br>• Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dimenangi dengan hadiah lain yang bernilai sama tanpa sebarang sebarang makluman terlebih dahulu.<br><br>• Segala imej hadiah yang dipaparkan dalam iklan, bahan promosi, atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar.<br><br>• Risiko penebusan hadiah adalah di bawah tanggungjawab Pemenang. Segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab penuh pemenang.<br><br>**Terma Tambahan Hadiah**<br>1. Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum satu (01) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen;<br><br>  ❑ Satu (1) x Hadiah Utama Guardian |

| | |
|---|---|
| | 2. Peserta yang memenangi Hadiah Utama Dwi-Mingguan – Set SWAROVSKI Constella atau Hadiah Utama Watsons – Dyson Supersonic r™ Hairdyer atau Hadiah Istimewa Watsons - -Gift Kad Sephora tidak layak untuk memenangi Hadiah Utama Eksklusif Guardian. |
| **Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang untuk Hadiah Kempen Eksklusif Guardian** | **Proses Pemilihan Pemenang:**<br>1. Semua penyertaan mestilah lengkap dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam bahagian *Syarat Penyertaan* dan *Langkah-langkah Penyertaan* di atas.<br>2. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat akan terbatal secara automatik.<br>3. Pemenang yang layak akan ditentukan berdasarkan unit pembelian minimum yang diperlukan, tertakluk kepada **satu (1) resit pembelian** bagi setiap penyertaan, selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan.<br>4. Setiap penyertaan yang sah yang mengandungi imej resit pembelian yang lengkap dan jelas , memenuhi syarat penyertaan yang ditetapkan, menyediakan maklumat peribadi peserta yang diperlukan, dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen akan diperuntukkan nombor bersiri (setiap satu dirujuk sebagai "**Penyertaan Layak Guardian**"). Setiap Penyertaan Layak Guardian hanya akan menerima satu (1) nombor bersiri sahaja.<br>5. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad, terikat dan tidak berhak dipertikaikan. Sebarang bantahan dan/atau aduan melalui apa jua medium tidak akan dilayan.<br>6. Setiap Peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Eksklusif Guardian sahaja sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>**Kaedah Pemilihan dan Penyenaraian Pendek Pemenang:**<br>**A. Hadiah Utama : 10 x Set Kecantikan Berjenama bernilai RM530 setiap satu**<br><br>Terdapat sepuluh (10) Set Kecantikan Berjenama bernilai RM530 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak Eksklusif Guardian yang diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Kempen [masing-masing dirujuk sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Guardian" dan secara kolektif sebagai "Penyertaan Layak Eksklusif Guardian"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak Eksklusif Guardian bermula daripada nombor siri "1".<br><br>Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Eksklusif Guardian akan disenaraikan dan dijumlahkan bagi menentukan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Guardian ["Jumlah Keseluruhan Penyertaan Layak Eksklusif Guardian"]. Dengan andaian jumlah |

| | |
|---|---|
| | Penyertaan Layak Eksklusif Guardian yang diterima sepanjang Tempoh Kempen adalah sebanyak 3,388, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:<br><br>3388 ÷ 10 = <u>**338.8***</u><br><br>Penyertaan dengan nombor siri 338 akan disenaraikan sebagai pemenang Hadiah Utama. Pemenang seterusnya yang disenarai pendek akan dipilih daripada Penyertaan Layak Eksklusif Guardian yang mempunyai nombor siri hasil penggandaan 338*.<br><br>Contoh nombor bersiri pemenang yang disenarai pendek ialah 338*,676*, 1014*,1352*, 1690*, 2028*, 2366*, 2704*, 3042* dan 3380*.<br><br>Seramai <u>**10 pemenang**</u> akan dipilih bagi sepanjang Tempoh Kempen.<br><br>Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. |
| **Prosedur Pemberitahuan & Penebusan Hadiah** | • Penganjur akan menghubungi para Pemenang melalui nombor **WhatsApp 018-252 2240**, SMS, panggilan telefon atau e-mel untuk mendapatkan butiran yang diperlukan untuk penghantaran hadiah setelah pengumuman Pemenang dibuat.<br><br>• Para Pemenang akan dimaklumkan melalui WhatsApp nombor **WhatsApp 018-252 2240**, SMS atau e-mel dalam tempoh empat belas (14) hari berkerja selepas tamat Tempoh Kempen atau setelah pengumuman Pemenang dibuat.<br><br>• Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya tiada jawapan atau maklumbalas dari Pemenang dalam tempoh dua (2) hari bekerja setelah dihubungi dan kelayakan Pemenang akan dibatalkan secara automatik.<br><br>• Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang yang gagal menurut prosedur menuntut hadiah seperti yang ditetapkan.<br><br>• Pihak Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan untuk penangguhan tempoh menebus hadiah.<br><br>• Semua hadiah akan diproses untuk penebusan atau penghantaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tamat Tempoh Kempen; **07 April 2026**.<br><br>• Hadiah **Watsons dan Guardian** akan diproses untuk penebusan atau penghantaran dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tamat Tempoh Kempen, iaitu pada **30 April 2026**.<br><br>• Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. |

| | |
|---|---|
| | • Hadiah tidak boleh dipindah milik, boleh diserah hak, boleh ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur.<br><br>• Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya notis pemberitahuan kepada Pemenang tidak diterima atau atas kelewatan penghantaran notis kepada Pemenang.<br><br>• Senarai Pemenang Hadiah akan diumumkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh Kempen.<br><br>• Kesemua Hadiah mestilah dituntut di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penutupan Kempen atau tiga puluh (30) hari dari tarikh notis Pemenang. Tuntutan hadiah tidak sah jika Pemenang gagal menuntut hadiah di dalam tempoh yang ditetapkan.<br><br>• Sebarang alasan oleh Pemenang yang tidak menerima sebarang notifikasi tidak akan dilayan sama sekali oleh Pihak Penganjur untuk melanjutkan tempoh penebusan hadiah. |

## B: Terma & Syarat Penyertaan

Jadual Syarat Penyertaan ini harus dibaca bersama dengan Terma & Syarat Penyertaan ini, notis privasi kami yang disertakan dalam dokumen ini dan dasar privasi yang boleh didapati di laman penganjur (secara keseluruhannya "**Terma & Syarat**") dan akan terpakai kepada semua Peserta yang menyertai kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Pemenang"). Dengan menyertai Kempen ini, perserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan Terma & Syarat

**Hak Pihak Penganjur**

1) Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan para Peserta secara automatik bagi sebarang penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat atau tidak mempunyai bukti pembelian yang sah.

2) Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Kempen ini penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan samada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

3) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayani. Peserta dengan ini bersetuju bahawa tidak ada tindakan yang akan diambil terhadap Pihak Penganjur.

4) Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur dan / atau mana-mana ejen pihak ketiga ["Agensi"] yang dipilih oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta untuk tujuan Kempen ini.

5) Setiap Peserta bersetuju untuk pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan maklumat peribadinya, untuk tujuan berkaitan dengan Kempen ini dan menyatakan dan menjamin bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat di dalam semua aspek.

6) Nilai hadiah tepat pada masa dicetak. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

7) Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran, tidak akan diganti dan Pihak Penganjur berhak menolak sebarang kewajiban untuk tidak mengganti atau memenuhi hadiah ini.

8) Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu proses penyerahan atau pengendalian dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan kempen ini.

9) Penganjur tidak akan memikul tanggungjawab atau tanggungan terhadap Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan dengan jelas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersirat atau tersurat, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e- baucar yang ditawarkan di bawah Program Penebusan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau penggunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama tersebut. Segala perselisihan yang timbul dari atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama harus diselesaikan oleh pengguna secara langsung dengan pemilik jenama.

10) Sekiranya Kempen ini terganggu dengan apa cara pun atau tidak dapat dijalankan sebagaimana yang dijangkakan secara munasabah atas sebab di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur, maka Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk mengubah Terma & Syarat Kempen ini, menangguhkan, menamatkan atau membatalkan Kempen, jika diperlukan, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

**Publisiti**

11) Penerimaan hadiah menandakan keizinan diberi kepada Pihak Penganjur dan agensinya untuk menggunakan nama dan/atau foto Peserta untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau pemasaran tanpa sebarang notis dan/atau pampasan.

**Pematuhan kepada Terma & Syarat Kempen**

12) Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca serta bersetuju dengan semua terma dan syarat yang terkandung di sini dan akan mematuhi segala dan/atau sebarang keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.

**Perubahan kepada Terma & Syarat**

13) Pihak Penganjur berhak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah terma dan syarat tanpa memberi notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan Para Peserta adalah terikat kepada perubahan sedemikian.
14) Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman, percanggahan, kesamaran atau perbezaan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau sebarang versi Bahasa lain terma dan syarat ini, versi yang tertera di laman sesawang kempen akan diguna pakai.

**Penggantungan**

15) Pihak Penganjur juga berhak untuk membatal, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Kempen ini sekiranya berlaku keadaan tidak diduga yang di luar kawalan munasabahnya.

**Perlindungan Data Peribadi**

16) Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemproses data pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Sila ambil perhatian, bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mengemukakan data peribadi Peserta jika diperlukan untuk tujuan menganjur Kempen ini, atau dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang, atau dengan waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

**Harta Intelek**

17) Peserta bersetuju bahawa semua bahan yang diserahkan oleh Peserta untuk Kempen ini menjadi kepunyaan Penganjur. Jika berkenaan, hakcipta dan semua hak harta intelek (termasuk hak moral) yang wujud dalam semua bahan termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan digital atau bukan digital (contohnya: video dan imej), akan menjadi kepunyaan Penganjur setelah diserahkan.

18) Melainkan hak cipta dan hak harta intelek yang berkaitan dengan hadiah yang layak dimenangi oleh Peserta, semua hakcipta dan hak harta intelek (termasuk hak moral) yang wujud dalam paten, nama cap dagangan, hak keempunyaan yang terkandung dalam produk yang dirujuk dalam Terma dan Syarat ini, iaitu, antara lainnya, produk Brand's® adalah hak milik Penganjur sama ada didaftarkan di atas nama Penganjur ataupun tidak.

**Undang-undang yang Mentadbir dan Penyelesaian Pertikaian**

19) Kempen dan Terma & Syarat ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan semua pertikaian yang berkaitan dengan Kempen dan Terma & Syarat ini hendaklah diserahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

**<Available in both Bahasa Malaysia and English>**

**Notis Privasi di bawah Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")**

Pelanggan yang dihormati,

Di bawah PDPA, ada pelbagai keperluan mengawal pemprosesan data peribadi anda sebagai seorang individu ["**Individu**"]. PDPA ini memaklumkan kepada Individu mengenai hak anda di bawah akta ini, termasuk tindakan yang boleh diambil oleh Individu untuk menggunakan hak tersebut dan implikasinya.

Dengan menyertai Kempen ini dan/atau memberikan data peribadi anda kepada Penganjur, anda telah membaca dan memahami Polisi Privasi [https://brandsworld.com.my/privacy-policy/] dan bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda oleh Penganjur selaras dengan Polisi Privasi tersebut.

a. Kami, Penganjur, mengumpul data peribadi Individu secara langsung daripada borang penebusan di https://innershine-raya2026.mypromotions.my

b. Data peribadi Individu dikumpul bagi tujuan yang berkaitan dengan pelaksanaan kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada promosi produk Penganjur, aktiviti pemasaran, tinjauan pendapat, dan analisis data untuk pembangunan produk pada masa hadapan;

c. Data peribadi yang diberikan adalah diperlukan bagi tujuan berkaitan pelaksanaan Kempen ini, dan semua penyertaan yang tidak lengkap akan menyebabkan penyertaan Individu terbatal;

d. Individu berhak menarik balik persetujuan bagi Penganjur memproses data peribadinya, namun tindakan ini akan menyebabkan penyertaan Individu terbatal;

e. Data peribadi Individu didedahkan kepada Agensi yang dilantik untuk diproses bagi tujuan berkaitan Kempen ini;

f. Individu boleh memilih untuk memberikan persetujuan melalui borang penebusan di https://innershine-raya2026.mypromotions.my bagi membolehkan Penganjur mengumpul, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi mereka untuk tujuan menawarkan berita berkaitan produk, promosi, aktiviti pemasaran, tinjauan pendapat, dan analisis data untuk pembangunan produk pada masa hadapan; serta membolehkan Penganjur memproses alamat emel dan/atau nombor telefon mereka bagi tujuan iklan semula (retargeting) serta media melalui platform mudah alih, berasaskan web dan laman sesawang pihak ketiga;

g. Individu mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi mereka setelah diberikan;

h. Data peribadi Individu akan disahkan semasa pengesahan pemenang, dan sekiranya terdapat perubahan pada data peribadi, Individu dikehendaki mengemas kini maklumat kepada Penganjur; sekiranya Individu ingin membuat pertanyaan atau memberikan maklum balas, sila hubungi +6018-252 2240 pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang (hari bekerja, kecuali cuti umum/negeri).

**Privacy Notice under Section 7 of the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")**

Dear Consumers,

Under the PDPA, various requirements regulate the processing of your personal data as an individual ["**Individual**"]. It informs the Individual of your rights under the PDPA, including actions Individuals may take to exercise such rights and their consequences.

By participating in this Campaign and/or providing your personal data to the Organiser, you have read and understood the Privacy Policy [https://brandsworld.com.my/privacy-policy/] and that you agree to the processing of your personal data by the Organiser in accordance with the said Privacy Policy.

a. That we ["Organiser"] collect an Individual's personal data directly from the redemption form entry on http://innershine-raya2026.mypromotions.my

b. Individual's personal data is collected for purposes related to carrying out this Campaign, including but not limited to Organiser's product promotions, marketing activities, opinion surveys, and data analysis for future product development;

c. The personal data given is required for the purposes related to carrying out this Campaign, and all incomplete entries will render the Individual's participation void;

d. Individual has the right to withdraw his/her consent for the Organiser to process his/her personal data but this will render the Individual's participation void;

e. Individual's personal data is disclosed to an elected Agency for processing for purposes related to this Campaign;

f. Individual may opt-in his/her consent on the redemption form entry on http://innershine-raya2026.mypromotions.my to consent the Organiser to collect, use and disclose his/her personal information for the Organiser to offer news related to its products, promotions, marketing activities, opinion surveys and data analysis for future product development; and for the Organiser to process his/her email and/or telephone number for retargeting advertisements and media via mobile or web-based platforms and third-party websites;

g. Individual has the right to access and correct their personal data once given;

h. Individual's personal data will be validated upon confirming the winners, and if there are changes to the personal data, the Individual is required to update the Organiser; and if the Individual wishes to make enquiries or give feedback, please contact +6018-252 2240 on Mondays to Fridays, from 9.00 am to 5.00 pm (weekdays, except for state/ public holidays).